

17/04/1997

MT belum tentu bincang jawatan Muhammad

KUALA LUMPUR, Rabu - Ibu Pejabat Umno belum pasti sama ada kedudukan bekas Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Muhd Taib sebagai Naib Presiden parti akan dibincangkan dalam mesyuarat bulanan akan datang Majlis Tertinggi (MT) parti itu.

Setiausaha Agungnya, Datuk Sabbaruddin Chik berkata, perkara itu mungkin dibincang dan mungkin juga tidak dibincangkan. Mesyuarat MT terbaru diadakan Sabtu lalu.

"Buat masa ini agenda mesyuarat akan datang belum lagi ditetapkan," katanya ketika dihubungi hari ini.

Semalam, Timbalan Presiden Umno Datuk Seri Anwar Ibrahim menyatakan parti itu akan membincangkan keputusan Muhammad untuk terus memegang jawatan Naib Presiden yang dimenangnya pada pemilihan parti Oktober lalu.

Muhammad meletakkan jawatan sebagai Menteri Besar, Ketua Perhubungan Umno dan Pengerusi Barisan Nasional Negeri Selangor serta Wilayah Persekutuan berkuatkuasa Isnin lalu.

Beliau menghadapi dua pertuduhan di mahkamah Brisbane, Australia.

Satu daripadanya ialah dakwaan gagal mengisytiharkan wang bernilai sejumlah RM2.4 juta pada 22 Disember lalu ketika hendak meninggalkan negara itu.

Beliau juga dijangka menghadapi tuduhan membuat kenyataan palsu apabila hadir di mahkamah Ogos depan.

Ketika mengumumkan peletakan jawatannya, Muhammad berkata, beliau tidak mahu kes yang dihadapinya itu dikaitkan dengan parti dan kerajaan.

Anwar semalam berkata, Muhammad telah menemui beliau dan Presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan memberi penjelasan mengenai keputusannya untuk terus memegang jawatan Naib Presiden Umno.

"Kita menghormati keputusannya itu dan oleh kerana ini adalah hal parti, ia patut dibincangkan sebagai satu urusan parti," kata Anwar.

Tiada peruntukan dalam Perlembagaan Umno mengenai kuasa Majlis Tertinggi untuk melucutkan jawatan seseorang anggotanya termasuk Presiden dan Timbalan Presiden.

Bagaimanapun Fasal 7.13 perlembagaan itu menyatakan: "Jawatan Ahli-ahli Majlis Tertinggi termasuk Presiden dan Timbalan Presiden boleh dilucutkan atau Majlis Tertinggi dibubarkan oleh Perhimpunan Agung Khas dengan undian tidak kurang daripada dua pertiga daripada jumlah bilangan ahli yang berhak hadir." - Bernama

(END)